# Tapak pelupusan sampah haram dikesan

SINAR ONLINE | 16 Oktober 2019



Andansura bersama pegawai wakil penduduk dan pegawai JAS ketika meninjau tapak pelupusan sampah haram yang dikesan di kawasan perindustrian di Gebeng, semalam.

KUANTAN - Tapak pelupusan sampah haram seluas 0.5 hektar dikesan di kawasan perindustrian Gebeng di sini semalam selepas penduduk terhidu bau busuk dan ternampak asap dari kawasan terbabit sejak seminggu lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beserah, Andansura Rabu berkata, pembukaan tapak pelupusan haram itu menjadi ancaman kepada penduduk sekitar terutamanya di sekitar Balok dan Balok Perdana sekali gus menyebabkan kualiti udara tercemar di kawasan perumahan itu.

Menurut, beberapa hari lalu, penduduk membuat aduan dan mereka mendakwa terhidu bau yang kurang menyenangkan di kawasan sekitar dan menjejaskan kesihatan anak-anak.

"Penduduk juga memberitahu masalah sama masih berulang malah semakin kuat bau sehingga mengundang ketidakselesaan dalam kalangan penduduk di kawasan itu.

"Jadi, saya menghubungi Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang untuk menjalankan pemeriksaan dan mendapati terdapat satu kawasan baru dijadikan tempat pelupusan sampah dan pembakaran di kawasan itu sedang berlaku," katanya ketika dihubungi Sinar Harian hari ini.

Andansura berkata, hasil lawatan dan pemeriksaan itu mendapati banyak sisa perindustrian seperti bahan kimia dan terdapat sisa domestik dibuang di kawasan terbabit.

Menurutnya, pembakaran sisa buang itu menyebabkan kawasan itu mengeluarkan bau kurang menyenangkan dan boleh menjejaskan tahap kesihatan.